

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

RMK 151 Ekonomi Bangunan 1

Masa : (3 Jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi  
DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan  
peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan.

1. (a) Terangkan apakah ciri-ciri utama satu Syarikat  
Sendirian Berhad?

(10 Markah)

- (b) Nyatakan dan huraikan kebaikan dan  
keburukan perniagaan perkongsian?

(10 Markah)

2. Permintaan untuk pembinaan kolam renang konkrit  
diandaikan mempunyai keanjalan permintaan tidak anjal.  
Terangkan dengan ringkas apakah yang berlaku dalam  
pasaran jika peristiwa-peristiwa berikut berlaku?

- (a) Kadar harga bekalan air untuk kegunaan kolam  
renang dinaikkan.

(10 Markah)

- (b) Konkrit digantikan dengan bahan binaan lain  
yang lebih murah dan mudah digunakan.

(10 Markah)

Diandaikan faktor-faktor lain tidak berubah.

3. Pembinaan merupakan satu sektor dalam Sistem Ekonomi negara. Huraikan mengapa sektor ini penting dan bagaimana ia memainkan peranan dalam sesebuah sektor ekonomi?

(20 Markah)

4. (a) Apakah ciri-ciri utama pasaran pertandingan sempurna?

(10 Markah)

- (b) Kenapakah pasaran hartanah rumah banglo bukan merupakan satu pasaran pertandingan sempurna?

(10 Markah)

5. Polisi Fiskal dan Polisi Kewangan adalah dua dari alat yang sering digunakan untuk mencapai objektif-objektif ekonomi. Huraikan polisi-polisi tersebut dan bagaimana kedua-duanya dapat mempengaruhi Industri Binaan.

(20 Markah)

6. Harga rumah, pendapatan isirumah dan sumber-sumber kredit merupakan faktor-faktor yang penting dalam permintaan perumahan yang berkesan. Bincangkan ketiga-tiga faktor ini dalam suatu keadaan ekonomi yang meleset dan kesannya terhadap permintaan perumahan.

(20 Markah)

7. Berikan huraian ringkas tentang istilah-istilah berikut:-

- (a) Laissez-faire
- (b) Pengkhususan
- (c) Keanjalan Permintaan Silang
- (d) Pasaran Oligopoli
- (e) Keluk Kemungkinan Pengeluaran

(20 Markah)